

BAB KEENAM

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1 Rumusan

Tidak ada siapa pun yang dapat menafikan bahawa Aliran Nahu Kufah adalah sebahagian daripada bahasa Arab itu sendiri, sama juga seperti aliran-aliran nahu yang lain. Kedudukan kota Kufah yang bersempadan dengan wilayah Parsi ditambah dengan populasi penduduknya yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan etnik Arab telah menyediakan suatu ruang yang luas untuk perkembangan ilmu nahu khususnya selepas kemasukan orang-orang ‘ajam ke dalam agama Islam. Bagaimanapun, sumbangan aliran ini dalam perkembangan ilmu nahu agak terkemudian sedikit berbanding Aliran Nahu Basrah iaitu lebih kurang seratus tahun lamanya.

Aliran Nahu Kufah diasaskan oleh *Abū Ja'far al-Ru'āsiy* yang berganding bahu dengan bapa saudaranya *Mu'ādh al-Harrā'* untuk membentuk generasi pertama aliran ini. Kemudian aliran ini diteruskan lagi oleh *Abū al-Hasan 'Ali bin Hamzat al-Kisa'iyy* yang dianggap dari kelompok generasi kedua Aliran Nahu Kufah. Bagaimanapun, ulamak Aliran Nahu Kufah yang paling masyhur sekali ialah *Abū Zakariyyā Yahyā al-Farrā'*. Kitab *Ma'anī al-Qur'ān* yang dikarang oleh beliau dianggap satu-satunya kitab yang paling lengkap dan menyeluruh dalam mengutarakan pendapat-pendapat Aliran Nahu Kufah. *Al-Farrā'* membentuk generasi ketiga Aliran Nahu Kufah bersama *al-Ahmar* dan *al-Lihyāniy* yang

kemudiannya diteruskan pula oleh Ibn Qādīm dan Tha'lab dari generasi keempat dan kelima.

Aliran Nahu Kufah berpandukan kepada dua dasar utama dalam pembentukan kaedah nahu mereka iaitu al-qiyās dan al-samā'. Dalam hal ini, Aliran Nahu Kufah mengiktiraf segala bukti bahasa yang didengar daripada orang-orang Arab sama ada yang tinggal di bandar atau pun yang tinggal di kawasan pedalaman dan sama ada bukti bahasa tersebut telah digunakan secara meluas atau pun kurang meluas asalkan bukti bahasa tersebut dianggap fasih oleh mereka. Oleh itu, banyak kaedah qiyas yang diguna pakai oleh Aliran Nahu Kufah telah ditolak oleh Aliran Nahu Basrah akibat perbezaan interpretasi kedua-duanya terhadap dua dasar utama tersebut.

Sementara itu, terdapat tiga sumber utama dalam pengambilan Aliran Nahu Kufah iaitu dialek-dialek Arab yang meliputi puisi dan ungkapan kata orang-orang Arab, qiraat al-Quran dan Nahu Basrah. Dalam hal ini, ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah telah melakukan banyak pengembaraan ke kawasan-kawasan pedalaman Arab untuk mengutip bukti-bukti bahasa yang diyakini kesahihannya. Mereka juga mengiktiraf dan berhujah dengan segala bentuk qiraat al-Quran kerana mereka berpendapat qiraat al-Quran adalah suatu sumber yang penting untuk mengetahui bentuk-bentuk perbezaan yang berlaku antara dialek-dialek Arab. Oleh kerana aliran ini timbul setelah lebih kurang seratus tahun Aliran Nahu Basrah menapak dalam ilmu nahu, Aliran Nahu Kufah telah menjadikan Nahu Basrah sebagai salah satu

sumber rujukan mereka. Oleh itu, banyak di kalangan ulamak Aliran Nahu Kufah yang pergi berguru dengan ulamak-ulamak nahu dari Aliran Nahu Basrah.

Walau bagaimanapun, ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah tidak mengikut semua jejak yang diambil oleh ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah, justeru itu menimbulkan banyak perbezaan dan perselisihan pendapat antara kedua-dua aliran tersebut. Antara perbezaan tersebut ialah perbezaan dari sudut penggunaan istilah-istilah nahu. Dalam hal ini, Aliran Nahu Kufah telah mencipta banyak istilah nahu yang berlainan daripada istilah-istilah nahu yang digunakan oleh Aliran Nahu Basrah.

Akibat dari ‘perang mulut’ yang berlaku antara dua aliran tersebut, Aliran Nahu Kufah telah dikritik hebat oleh Aliran Nahu Basrah. Antara kritikan tersebut ialah bahawasanya Aliran Nahu Kufah berhujah dengan mengambil bukti-bukti bahasa yang tidak sahih, janggal dan jarang digunakan. Walaupun begitu, Aliran Nahu Kufah tetap mendapat sokongan daripada aliran-aliran nahu yang lahir selepas dua aliran tersebut. Sokongan yang diberikan oleh Aliran Nahu Baghdad dan Aliran Nahu Andalus khususnya Ibn Malik terhadap beberapa pendapat daripada Aliran Nahu Kufah membuktikan bahawa Aliran Nahu Kufah tidaklah seburuk seperti yang digambarkan oleh Aliran Nahu Basrah, justeru itu aliran ini tidak seharusnya disisihkan daripada perkembangan ilmu nahu dan kajian yang dibuat mengenainya.

Perselisihan-perselisihan pendapat yang banyak berlaku antara Aliran Nahu Kufah dengan Aliran Nahu Basrah walaupun dari satu sudut telah menjadikan ilmu

nahu itu semakin rumit dan susah untuk difahami, namun dari satu sudut yang lain, perselisihan-perselisihan tersebut sebenarnya telah menyediakan ruang kepada pengkaji-pengkaji bahasa Arab khususnya di zaman kini termasuk di Malaysia, untuk memilih, menyaring dan menilai pendapat-pendapat yang dianggap mudah dan sesuai untuk diguna pakai dalam pengajian bahasa Arab. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan, adalah untuk memudahkan pengajian bahasa Arab itu sendiri di samping memastikannya sesuai dengan realiti semasa serta mampu berdaya saing dalam perkembangan ilmu terkini.

Dalam hal ini, Aliran Nahu Kufah dilihat mempunyai beberapa ciri yang dianggap sesuai serta menepati matlamat tersebut. Antara kesesuaian Aliran Nahu Kufah untuk diterapkan ke dalam sistem pengajian bahasa Arab di Malaysia dapat dirumuskan seperti mana berikut :-

- 1) Kaedah nahu yang lebih liberal telah menyediakan lebih banyak pilihan bagi para pelajar dalam menentukan gaya bahasa yang mereka suka, justeru itu memudahkan para pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.
- 2) Penggunaan istilah-istilah nahu yang lebih mudah difahami serta dihayati maknanya di samping menepati maksud yang dikhendaki.
- 3) Kurangnya unsur-unsur pentakwilan dan falsafah dalam pembinaan kaedah-kaedah nahu dan pendapat-pendapat yang dikemukakan.

4) Penyampaian kaedah nahu dalam bentuk yang ringkas dan mudah di samping bersifat praktikal dan sesuai dengan realiti semasa.

Cadangan atau idea di atas bukanlah sesuatu yang baru apatah lagi janggal untuk diterima pakai, malah telah dicetuskan sendiri oleh orang-orang Arab. Hujah-hujah yang dikemukakan oleh para pengkaji bahasa Arab zaman kini membuktikan bahawa Aliran Nahu Kufah bukan hanya sekadar gah pada nama, tetapi masih mempunyai mutiara-mutiara idea yang masih belum digilap khususnya oleh para pengkaji bahasa Arab di negara ini.

6.2 Cadangan

Melihat kepada kesesuaian-kesesuaian yang ada pada Aliran Nahu Kufah seperti yang telah dijelaskan di atas tadi, adalah amat malang sekali jika kelebihan tersebut tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh itu, pihak-pihak yang berwajib khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia disarankan agar mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif ke arah mencapai objektif pengajian bahasa Arab (Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi) seperti yang telah digariskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (Lihat 5.2 dan 5.3). Antara cadangan yang difikirkan sesuai untuk diambil perhatian oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia adalah seperti berikut :-

1) Menubuhkan suatu lujnah atau jawatankuasa penilai untuk mengkaji sejauh manakah kesesuaian yang ada pada Aliran Nahu Kufah dan juga aliran-aliran

nahu yang lain serta pendapat ulamak-ulamak terkenal untuk diterapkan ke dalam sistem pengajian bahasa Arab di negara ini.

Ahli-ahli jawatankuasa penilai tersebut pula seelok-eloknya hendaklah dianggotai sama oleh pakar-pakar bahasa Arab tempatan dan juga dari negara-negara Arab. Penyertaan pakar-pakar bahasa Arab dari negara-negara Arab dirasakan amat perlu untuk memastikan agar pendapat-pendapat yang akan diterima pakai nanti betul-betul sahih dan diterima oleh pihak-pihak berwajib di negara-negara Arab.

2) Mengubahsuai kurikulum dan sukanan mata pelajaran bahasa Arab ke arah yang lebih mudah difahami dan dipraktikkan oleh para pelajar dengan mengambil kira semua pendapat daripada aliran-aliran nahu termasuk Aliran Nahu Kufah dan juga pendapat daripada ulamak-ulamak bahasa Arab, dahulu dan sekarang.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia digesa mewujudkan mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi bermula dari tingkatan satu lagi bukannya dari tingkatan empat seperti yang diamalkan sekarang ini. Hal ini kerana pengajian Bahasa Arab Komunikasi sepatutnya seiring dengan pengajian Bahasa Arab Tinggi kerana pengetahuan tentang Bahasa Arab Tinggi akan membantu proses pengajian Bahasa Arab Komunikasi itu sendiri. Tambahan pula kaedah-kaedah nahu bahasa Arab yang begitu banyak dan kompleks perlu didedahkan kepada para pelajar di peringkat yang lebih awal untuk mengasah kemahiran mereka khususnya dalam

aspek pemahaman teks termasuk pemahaman ayat suci al-Quran dan hadith Nabi

s.a.w..

3) Sehubungan dengan itu, pihak kementerian juga diminta menimbangkan cadangan mewujudkan mata pelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah di sekolah-sekolah yang terpilih. Jika kewujudan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil boleh diterima, tidak ada sebab bagi pihak kementerian untuk tidak menimbangkan cadangan tersebut.

4) Di samping itu, pihak kementerian juga hendaklah dari semasa ke semasa memberi latihan dan kursus kepada guru-guru bahasa Arab tentang perkembangan terkini dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Antara kursus yang dicadangkan ialah kursus pendedahan tentang pengajaran bahasa Arab yang mengguna pakai semua pendekatan aliran nahu dan pendapat ulamak-ulamak nahu bahasa Arab yang telah dipersetujui oleh semua pihak.

5) Akhir sekali, pihak kerajaan diharap dapat mengambil langkah menyediakan sebuah perpustakaan khusus bahasa Arab di samping berusaha mendapatkan sebanyak mungkin buku-buku dan bahan-bahan rujukan dalam bahasa Arab. Tujuannya adalah untuk memudahkan penyelidikan yang berkaitan dengan bahasa Arab termasuk mengkaji kitab-kitab nahu dan linguistik bahasa Arab.